



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF
CHIEF EXECUTIVE**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran
Skills Development Fund Corporation
Kementerian Sumber Manusia
Ministry of Human Resources
Pejabat Ketua Eksekutif
Aras 27, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4051 6009
E-mel : skillsfund@ptpk.gov.my
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Ruj. Kami : PTPK.P&P.100-8/1/2 (19)
Tarikh : 24 Disember 2025

**Ketua Eksekutif/Pengarah/Pengurus
Penyedia Latihan Berdaftar Dengan PTPK**

Ybhg Datuk/Dato/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KETUA EKSEKUTIF BILANGAN 2 TAHUN 2025

**PEMAKLUMAN PELANTIKAN PENGARAH SYARIKAT SEBAGAI PENGURUS
PUSAT BERTAULIAH (PPB) BAGI PUSAT PENILAIAN AMALI (PPA) DI
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)**

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Ketua Eksekutif ini bertujuan memaklumkan mengenai pelantikan Pengarah Syarikat sebagai Pengurus Pusat Bertauliah (PPB) bagi Pusat Penilaian Amali (PPA) yang berdaftar dengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK).

LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini, peranan Pengurus Pusat Bertauliah (PPB) di Pusat Penilaian Amali (PPA) dilaksanakan oleh Pegawai Penyelaras yang menjalankan fungsi sepertimana PPB, khususnya dalam pengurusan dan penghantaran dokumen kepada PTPK. Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pendaftaran dan Agihan yang bersidang pada 25 Ogos 2025, telah bersetuju bahawa peranan Pengurus Pusat Bertauliah (PPB) di Pusat Penilaian Amali (PPA) yang berdaftar dengan PTPK hendaklah dilantik dalam kalangan Pengarah Syarikat.

PELAKSANAAN

3. Pelaksanaan ketetapan ini adalah bertujuan untuk memperkemas pengurusan, mengurangkan risiko kesilapan penghantaran serta kelewatan dokumen, di samping memastikan akauntabiliti yang lebih jelas terhadap urusan berkaitan PTPK.
4. Pengarah Syarikat yang didaftarkan sebagai Pengurus Pusat Bertauliah (PPB) hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan, pengesahan dan penghantaran semua dokumen berkaitan PTPK mengikut tatacara, garis panduan serta tempoh yang telah ditetapkan. Sebarang ketidakpatuhan, kecuaiian atau kesalahan yang berlaku adalah tertakluk kepada tindakan penguatkuasaan dan/atau pendakwaan selaras peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.
5. Sehubungan dengan itu, semua Pusat Penilaian Amali (PPA) dikehendaki mengambil maklum dan mematuhi ketetapan yang dinyatakan dalam surat pekeliling ini bagi memastikan pengurusan dokumen serta pematuhan tatacara yang telah ditetapkan dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan.

TARIKH KUAT KUASA

6. Surat Pekeliling Ketua Eksekutif ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Pekerja Kesuma Bangsa”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran